

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 4 OGOS 2016 (KHAMIS)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	MDV lancar sukuk RM1 bilion tingkatkan dana pinjaman	Utusan Malaysia
2.	MDV to raise RM1 billion sukuk	Malay Mail
3.	MDV rancang kumpul RM2b menerusi Islam	Berita Harian
4.	MDV plans to issue RM1bil sukuk in Q4	The Star

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN BIZ) : MUKA SURAT B12**  
**TARIKH : 4 OGOS 2016 (KHAMIS)**

## MDV lancar sukuk RM1 bilion tingkatan dana pinjaman

**KUALA LUMPUR 3 Ogos** - Malaysia Debt Ventures Bhd. (MDV), akan melancarkan sukuk bernilai RM1 bilion pada suku akhir tahun ini bagi meningkatkan kapasiti memberi pinjaman khususnya kepada syarikat-syarikat permulaan berasaskan teknologi baharu.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Md. Zubir Ansori Yahaya berkata, proses penerbitan sukuk itu kini di peringkat akhir bagi mendapatkan jaminan kerajaan sebelum dilancarkan.

Katanya, pelancaran sukuk itu merupakan langkah penerbitan dana atau hutang ketiga oleh MDV, tambahan daripada RM1.6 bilion dana yang diperolehi hasil kerjasama The Japanese Bank of International Cooperation (JBIC) dan RM1.5 bilion sukuk yang telah diterbitkan sebelum ini.

Jelasnya, penerbitan sukuk terbaharu itu mampu memberi impak berantai berdasarkan pusingan pinjaman sehingga lebih RM9.5 bilion yang dapat diberikan melalui dana RM3.1 bilion dimiliki oleh MDV sebelum ini.



**MADIUS TANGAU (kanan)** memperkatakan sesuatu kepada seorang tetamu yang menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri MDV sambil diperhatikan oleh **Md. Zubir Ansori Yahaya (berdiri)** di Kuala Lumpur, semalam. - **UTUSAN/NADIA NURSYAMIMI MOHD NOOR**

“Kami yakin untuk mendapatkan jaminan daripada kerajaan berdasarkan pembentangan yang telah dibuat kepada Kementerian Kewangan (MoF). MDV kini akan memberi taklimat dan cadangan semula kepada MoF ekoran rombakan Kabinet yang diumumkan

sebelum ini,” katanya kepada pemberita pada majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran MDV di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau.





Science, Technology and Innovation Minister Datuk Wilfred Madius Tangau (right) with MDV chairman Tan Sri Zarinah Anwar and Zubirat MDV's Raya open house yesterday. — Picture by Bernama

## MDV to raise RM1 billion sukuk

malaymail  
astro go read celcom

Read Malay Mail e-paper for free  
Visit [astrogoread.astro.com.my](http://astrogoread.astro.com.my) or download  
Astro Go Read app.  
For Celcom users, download Malay Mail  
powered by Celcom app.

By Hakim Hassan  
[hakim@mmail.com.my](mailto:hakim@mmail.com.my)

**KUALA LUMPUR** — Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV) plans to raise RM1 billion via sukuk in the fourth quarter to increase its lending ability to technology-based start-up companies.

Managing director and chief executive officer Datuk Md Zubir Ansori Yahaya said the new sukuk issuance is the company's second sukuk — and its third fund would likely have a government-guarantee status.

The new sukuk expands the company's scope in terms of funding as they are now

focused on additional sectors.

"In the past, we have concentrated more on IT companies and green technology companies.

"Now we will be going to other industries, as long as their business have something to do with technology, even if they're in other sectors," he said during the company's Hari Raya celebrations in here yesterday.

Zubir said some of the industries that have been identified by the company who are eligible for the funds would include the aerospace, automation, agriculture and education industries.

He said the company is now awaiting approval from the Ministry of

Finance (MoF).

"We are quite confident of the government guarantee based on our presentation to them earlier and they are very happy with our performance.

"We just have to fulfil one more stage, which is to re-brief and present our proposal to the MoF's new Minister, Datuk Johari Abdul Ghani," he said.

He said the funds from the new sukuk, which will likely have a 10-15 year tenure, could be rolled out and replenished until the end of next year.

On top of the proposed sukuk, he said the company would continue funding early stage technology companies with the RM50 million given by the

government in accordance to the Eleventh Malaysian Plan.

"The fund would be disbursed in stages, and we have received RM10 million for now, and we are going to utilise the funds and encourage the growth of new technology companies," he said.

To date, MDV has approved a total of RM9.8 billion in financing support to 700 innovation, technology and information technology-based companies including Iris Corp, Puncak Semangat and MOL Global Inc.

The company, which has reported profits for the last six years, started paying dividends to the government since five years ago.

KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B5  
TARIKH : 4 OGOS 2016 (KHAMIS)

## MDV rancang kumpul RM1b menerusi bon Islam

**Pembiaya** teknologi, Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV) merancang mengumpul RM1 bilion menerusi sukuk pada suku keempat tahun ini dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan pemberian pinjamannya, termasuk kepada syarikat permulaan.

Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Md Zubir Ansori Yahaya, berkata terbitan sukuk baharu itu, terbitan bon Islam kedua syarikat terbabit, berkemungkinan akan mempunyai status jaminan kerajaan.

Beliau berkata, syarikat itu kini sedang menunggu kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

"Kami agak yakin (mendapat jaminan kerajaan) berdasarkan kepada pembentangan kami kepada mereka sebelum ini dan mereka sangat berpuas hati dengan prestasi kami.

"Kami hanya perlu memenuhi satu lagi peringkat iaitu untuk memberi taklimat semula dan membentangkan cadangan ini kepada Menteri Kewangan baharu (Datuk Johari Abdul Ghani)," katanya kepada pemberita pada jamuan Rumah Terbuka Hari raya MDV di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir ialah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau.

### Alternatif kumpul dana

Md Zubir berkata, dana daripada sukuk baharu itu yang dijangka mempunyai tempoh 10-15 tahun, boleh dikeluarkan dan ditambah sehingga akhir 2017.

MDV ialah syarikat modal teroka milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan. Ia menerbitkan sukuk bernilai RM1.5 bilion pada 2008 sebagai kaedah alternatif untuk mengumpulkan dana.

Setakat ini, MDV meluluskan sejumlah RM9.8 bilion sokongan pembiayaan kepada 700 syarikat berasaskan inovasi, teknologi dan teknologi maklumat termasuk Iris Corp, Puncak Semangat dan MOL Global Inc.

Syarikat itu yang mencatatkan keuntungan bagi tempoh enam tahun lalu, mula membayar dividen kepada kerajaan sejak lima tahun lalu.

**BERNAMA**



Kami agak yakin  
(mendapat  
jaminan  
kerajaan)

berdasarkan kepada  
pembentangan kami kepada  
mereka sebelum ini dan mereka  
sangat berpuas hati  
dengan prestasi kami"

**Md Zubir Ansori Yahaya,**  
Pegarah Urusan dan  
Ketua Pegawai Eksekutif MDV



## MDV plans to issue RM1bil sukuk in Q4

KUALA LUMPUR: Technology financier Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV) plans to raise RM1bil via sukuk in the fourth quarter of this year in an effort to increase its lending ability including to start-ups.

Managing director and chief executive officer Datuk Md Zubir Ansoni Yahaya said the new sukuk issuance, the company's second Islamic bond issuance, would likely have a government-guarantee status.

He said it is now awaiting approval from the Finance Ministry (MoF).

"We are quite confident (of obtaining the government guarantee) based on our presentation to them earlier and they are very happy with our performance.

"We just have to fulfil one more stage, which is to rebrief and present this proposal to the MoF's new minister (Datuk Johari Abdul Ghani)," he told reporters on the

sidelines of MDV's Hari Raya open house.

Also present was Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau.

Md Zubir said the funds from the new sukuk, which will likely have a 10-15 year tenure, could be rolled out and replenished until end-2017.

MDV is a venture capital firm wholly-owned by the Minister of Finance Inc.

The company has issued a

RM1.5bil sukuk in 2008 as an alternative way to raise funds.

To-date, it has approved a total of RM9.8bil in financing support to 700 innovation, technology and information technology-based companies including Iris Corp, Puncak Semangat and MOL Global Inc.

The company, which has reported profits for the last six years, has started paying dividends to the Government since five years ago.

— Bernama